

# MOTAC disyor pantau iklan tawar pakej umrah

FOMCA bimbang lambakan tawaran di media sosial buka peluang kegiatan penipuan

Oleh Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mengesyorkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memantau iklan menawarkan pakej umrah dan haji yang berleluasa di media sosial bagi mengelak umat Islam terpedaya.

Timbalan Setiausaha Agung FOMCA, Nur Asyikin Aminuddin, berkata ini kerana kemunculan banyak iklan di media sosial membuka peluang kepada kegiatan penipuan.

Beliau berkata situasi itu memperlihatkan seolah-olah tiada kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan daripada pihak berkaitan.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan MOTAC dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bekerjasama rapat mengekang lambakan

## Aduan penipuan pakej haji umrah antara tertinggi



Keratan akhbar BH, semalam.

iklan pakej umrah dan haji di media sosial.

"Iklan yang menawarkan pakej umrah dan haji sangat banyak di media sosial bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Banyak scammer (penipu) yang ambil peluang dari platform ini.

"Perlu ada kerjasama antara MOTAC dan pihak MCMC untuk banteras isu ini. Dalam keadaan sekarang sememangnya mengkehendaki kerjasama antara kementerian dan agensi, kerana rata-rata mereka bekerja secara silo.

"Cara bekerja juga perlu berubah. Kena ada pemantauan berterusan dan tidak boleh bergantung pada aduan baru nak bertindak," katanya kepada BH semalam.

Muka depan BH semalam yang mendedahkan isu berkaitan pakej pelancongan, termasuk penipuan membabitkan haji dan umrah antara aduan paling tinggi diterima Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) sejak empat tahun lalu.

Bagi tempoh antara 2019 hingga 2022, NCCC menerima 5,518 aduan membabitkan pakej pelancong daripada pengguna dengan 2,028 daripadanya membabitkan unsur penipuan.

Mendedahkan demikian, Pengurus NCCC, Saral James Maniam, berkata secara keseluruhan lima isu berkaitan pakej pelancongan diterima pihaknya dengan empat lagi membabitkan isu pembayaran balik iaitu 1,829 aduan, tempahan hotel (537), aduan berkaitan harga (527) dan tempahan hotel dalam talian yang dibatalkan (597).

### Perincian aduan

Sementara itu, Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji Malaysia (PAPUH) menggesa mangsa memperincikan aduan sama ada agensi berkenaan berlesen atau sebaliknya bagi mengelak memberi tanggapan buruk kepada lebih 900 agensi berlesen.

Setiausaha PAPUH, Faridah Hamid, berkata tindakan sedemikian perlu bagi mengelak kekeliruan atau situasi 'pukul rata'.

Beliau turut menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap pihak berkuasa termasuk MOTAC yang didakwa tidak mengambil tindakan sewajarnya walhal mereka lebih tahu syarikat mana terbabit dengan kegiatan itu.

"PAPUH berpandangan pihak

yang menerima aduan perlu memastikan sama ada syarikat agensi pelancongan yang diadakan itu mempunyai lesen atau pun tidak.

"Jika mereka tidak mempunyai lesen, perlulah menyatakan syarikat tersebut tidak berlesen ketika membuat kenyataan. Ini untuk memberi keadilan kepada lebih 900 syarikat berlesen agar tidak terpalit dengan sangkaan buruk oleh bakal jemaah.

"Tidak dinafikan juga ada syarikat agensi pelancongan berlesen yang mempunyai masalah tetapi mungkin hanya dua atau tiga (syarikat). Isu itu sebenarnya diambil tindakan cuma ia menjadi bahan berita sekali lagi disebabkan syarikat terus memberi janji palsu kepada bakal jemaah.

"Hal ini sepatutnya diambil tindakan pantas oleh MOTAC atau Polis Diraja Malaysia kerana syarikat berkenaan telah mereka ketahui. Yang menjadi masalah bila MOTAC pun mengeluarkan kenyataan seolah-olah ia adalah kes penipuan baha-ru," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Solidariti Pengembaraan dan Agensi Pelancongan Malaysia (SAFTTA), Dr Fathir Badri, berharap Majlis Kawalselia Umrah (MKSU) yang anggotanya MOTAC, PDRM dan Jabatan Imigresen perlu menga-

Perlu ada kerjasama antara MOTAC dan pihak MCMC untuk banteras isu ini. Dalam keadaan sekarang sememangnya mengkehendaki kerjasama antara kementerian dan agensi, kerana rata-rata mereka bekerja secara silo



Nur Asyikin Aminuddin,  
Timbalan Setiausaha Agung FOMCA

dakan perjumpaan segera bagi mengatasi kelembapan industri umrah ketika ini.

Beliau berkata langkah itu wajar bagi mempertingkat segera kepercayaan bakal jemaah kerana tidak mahu kelesuan industri ini menjadi semakin parah.

"SAFTTA agak hairan kenapa aduan penipuan pakej haji tinggi sedangkan Tabung Haji (TH) hanya mengawal 23 syarikat dengan begitu ketat dan TH juga setiap tahun mengumumkan mereka menerima anugerah terbaik menguruskan haji dari Arab Saudi.

"Mungkin ada sesuatu yang tidak kena sebab syarikat yang sama tiap tahun dilantik oleh TH sebagai pengendali haji," katanya.